



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 68  
Bil. 16

**3hb Ogos 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

**No. 2215.**

FATWA MENGENAI PENGHARAMAN UPACARA  
PERBOMOHAN IBRAHIM BIN MAT ZIN

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan *Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa yang bersidang kali ke-202 bertarikh 17-19 September 2014 bersamaan 22-24 Zulkaedah 1435, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiaran fatwa yang berikut:

“Bahawa upacara dan amalan perbomohan yang dilakukan oleh Ibrahim Bin Mat Zin atau Raja Bomoh Ibrahim Mat Zin yang menggunakan objek-objek tertentu seperti Sangkar Burung Cenderawasih, Tebu Salak Hitam, Bubu, Teropong Buluh Kuning, Air Telaga Buta, Air Berlaga Simpang Tiga atau tanpa menggunakan apa-apa objek, sama ada untuk tujuan perubatan, perbomohan atau selainnya, adalah berlawanan dengan Hukum Syarak dan haram”.

Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam dilarang-

- (i) menganut, mengamal, menjadi ahli, menjadi pengikut, mengisyiharkan diri sebagai ahli, mengisyiharkan diri sebagai pengikut; atau
- (ii) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, memuat naik, memuat turun, menjual, mengedaran atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem; atau
- (iii) mengajar, menyebar, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran, menghadiri apa-apa upacara yang dikaitkan dengan ajaran tersebut atau menyokong apa-apa aktiviti perbomohan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Mana-mana orang Islam di Negeri Perak yang mengingkari Fatwa ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bertarikh 13 Julai 2015

[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*  
*Negeri Perak Darul Ridzuan*

**No. 2216.**

FATWA PENGHARAMAN PENGAJARAN TAREKAT  
*AMIRUL MUKMININ ABU BAKAR AS-SIDDIQ R.A.*  
PIMPINAN HAJI ISMAIL BIN ALANG MUHAMED

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

DAN BAHAWASANYA menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa yang bersidang kali ke-202 bertarikh 17-19 September 2014 bersamaan

22-24 Zulkaedah 1435, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiaran fatwa yang berikut:

“Bahawa fahaman dan ajaran *Tarekat Amirul Mukminin Abu Bakar As-Siddiq R.A.* yang dibawa oleh Haji Ismail Bin Alang Muhammed adalah mengandungi ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan hukum Syarak”.

Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam dilarang untuk-

- (i) menganut, mengamal, menjadi ahli, menjadi pengikut, mengisyiharkan diri sebagai ahli, mengisyiharkan diri sebagai pengikut; atau
- (ii) mengajar, menyebar, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran, menghadiri apa-apa upacara yang dikaitkan dengan ajaran tersebut atau menyokong apa-apa aktiviti berkaitan tarekat tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung; atau
- (iii) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, memuat naik, memuat turun, menjual, mengedarkan atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio dan filem.

Mana-mana orang Islam yang mengingkari atau melanggar Fatwa ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan dan dihukum di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bertarikh 13 Julai 2015  
[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA